

**INSTITUSI MADRASAH DALAM GERAKAN  
POLITIK KEPARTIAN DAN PERJUANGAN  
MENUNTUT KEMERDEKAAN DI PERAK,  
1900-1957**

**MUHAMAD NAIM BIN MD. TAIB**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2018**

**INSTITUSI MADRASAH DALAM GERAKAN  
POLITIK KEPARTIAN DAN PERJUANGAN  
MENUNTUT KEMERDEKAAN DI PERAK, 1900-  
1957**

oleh

**MUHAMAD NAIM BIN MD. TAIB**

Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera  
**Mei 2018**

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

**MEI 2018**

**MUHAMAD NAIM BIN MD TAIB**

**PHM 0044/11 (R)**

## **PENGHARGAAN**

Syukur dengan kekuatan yang diberikan oleh Allah S.W.T, penulis telah berjaya menyiapkan tesis penyelidikan ini. Terlebih dahulu penulis ingin mengucapkan terima kasih yang tak terhingga kepada penyelia, iaitu Dr. Azmi Arifin yang tidak jemu memantau, memberi panduan dan cadangan sepanjang proses penulisan tesis ini berlangsung. Pada masa yang sama, penulis ingin menyatakan penghargaan terima kasih kepada para pensyarah Bahagian Sejarah PPIK yang turut menyumbang idea khususnya semasa pembentangan proposal penyelidikan. Tidak dilupakan juga kepada kedua ibubapa penulis iaitu Md. Taib Bin Ariffin dan Ruziah Binti Abduri yang tidak putus-putus memberi kata semangat selain mendoakan kejayaan anaknya sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Penghargaan juga turut penulis ucapkan kepada kakitangan PPIK yang sentiasa membantu ketika berurusan di bahagian pentadbiran, pertolongan dan bantuan kalian tidak mungkin penulis lupakan.

Penulisan tesis ini tentunya tidak akan lengkap tanpa bantuan daripada pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka yang banyak membantu penulis mendapatkan bahan-bahan kajian. Seterusnya penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Dato' Mokhtar Petah, Ustaz Zaini Rahimi dan keluarga Allahyarham Tuan Haji Zainuddin Andika kerana sudi ditemuramah, bahkan sanggup pula berkongsi bahan-bahan sejarah bagi membolehkan penulis menyiapkan penyelidikan ini. Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih atas

bantuan dan sokongan kalian semua. Akhir sekali, tanpa bantuan ramai pihak secara langsung mahu pun tidak langsung, adalah sukar bagi penulis untuk menyiapkan tesis penyelidikan ini.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	vii
<b>ABSTRAK</b>	ix
<b>ABSTRACT</b>	x
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Sorotan Kajian Lalu	6
1.3 Objektif Kajian	26
1.4 Kaedah Kajian	27
1.5 Skop Kajian	29
1.6 Signifikan Kajian	32
1.7 Struktur Bab	33

## **BAB 2: KESEDARAN AGAMA DAN KEMUNCULAN KAUM MUDA**

2.1 Islam dan Kesedaran Politik Melayu Zaman Awal	39
2.2 Pendidikan Agama dan Orang Melayu	51
2.3 Kemunculan Kaum Muda Awal Kurun ke-20	61
2.4 Gerakan Islah Islamiah Kaum Muda di Tanah Melayu	75

## **BAB 3: KAUM MUDA DAN KEMUNCULAN MADRASAH DI PERAK AWAL KURUN KE-20**

3.1 Kaum Muda di Perak	87
3.2 Kemunculan Madrasah di Perak	100
3.3 Madrasah dan Kesedaran Politik di Perak Sebelum Perang Dunia Kedua	116

## **BAB 4: KEGIATAN MADRASAH DAN KESEDARAN POLITIK DARI ZAMAN JEPUN HINGGA DARURAT DI PERAK**

4.1 Kepimpinan Madrasah Semasa Zaman Jepun 1942-1945	132
4.2 Malayan Union: Reaksi Kepimpinan Madrasah terhadap British di Perak	152
4.3 MATA: Ke Arah Penubuhan Hizbul Muslimin di Perak	165
4.4 Darurat 1948: Reaksi dan Tindak Balas British	186

**BAB 5: POLITIK DAN KEPIMPINAN MADRASAH SELEPAS  
DARURAT 1948 DI PERAK**

5.1 Dari UMNO Ke Arah Penubuhan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu	209
5.2 Madrasah dan Perkembangan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu di Perak	224
5.3 Perjuangan Persatuan Islam Se-Tanah Melayu: Ke Arah Kemerdekaan Tanah Melayu	235
<b>BAB 6: KESIMPULAN</b>	252
<b>BIBLIOGRAFI</b>	265

## SENARAI SINGKATAN

AMCJA	All-Malaya Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BATAS	Barisan Tani Se-Malaya
CAB	Cabinet Papers
CLC	Communities Liaison Committee
CO	Colonial Office
Il Ihya	Maahad Il Ihya as-Syariff, Gunung Semanggol
IMP	Independence of Malaya Party
JSFTU	Johor Federation of Trade Union
KMM	Kesatuan Melayu Muda
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
MATA	Majlis Agama Tertinggi
MASYUMI	Majlis Shura Muslimin Indonesia
MCP	Malaya Communists Party
MDU	Malayan Democratic Union
MNP	Malaya Nationalist Party
MPAJA	Malayan People's Anti-Japanese Army
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu se-Malaya
PIM	Pembantu Indonesia Merdeka
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMFTU	Pan-Malayan Federation Trade Union
PMS	Persatuan Melayu Semenanjung
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat

UMNO United Malays National Organization  
ZABA Zainal Abidin bin Ahmad

# **INSTITUSI MADRASAH DALAM GERAKAN POLITIK KEPARTIAN DAN PERJUANGAN MENUNTUT KEMERDEKAAN DI PERAK, 1900-1957**

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji pengaruh institusi madrasah dan kepimpinan mereka dalam pergerakan politik dan perjuangan untuk kemerdekaan di Tanah Melayu. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk membincangkan sumbangan institusi agama dalam perjuangan anti-penjajahan dan Kemerdekaan Tanah Melayu berdasarkan peranan parti politik agama yang terdapat di Perak sehingga tahun 1957. Sehingga kini, banyak ahli sejarah percaya bahawa gerakan keagamaan yang disokong oleh kumpulan reformis Islam yang bernama 'Kaum Muda' kurang sokongan masyarakat dan pengaruhnya mula berkurang sejak tahun 1930-an. Peranannya telah diambil alih oleh pergerakan politik sekular moden yang muncul dengan ketara pada tahun 1920-an. Kajian ini sebaliknya cuba menunjukkan bahawa gerakan politik 'Kaum Muda' di madrasah menjadi semakin menonjol dan aktif, hingga mencabar pihak British terutama sejak tahun 1940-an. Ancaman tersebut telah mendorong kepada reaksi keras daripada pihak British, hingga mendorong kepada perisytiharan Darurat 1948. Walau bagaimanapun, tekanan pihak British tidak sepenuhnya menghapuskan pengaruh madrasah dan pergerakan keagamaan 'Kaum Muda' di Perak. Kepimpinan madrasah di Perak terus berkembang melalui gerakan politik berasaskan agama yang kuat dan aktif sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya.

**THE INSTITUTION OF MADRASAH IN THE PARTISAN POLITICAL  
MOVEMENTS AND THE STRUGGLE FOR INDEPENDENCE IN  
PERAK, 1900-1957**

**ABSTRACT**

This study examines the influence of Madrasah and their leadership in the political movement and the struggle for independence in Malaya. The main focus of the study is to discuss the contribution of the religious institution in the anti-colonial struggle and independence of Malaya based on the role of religious political parties established in Perak until 1957. To date, many historians believe that religious movements supported by Islamic reformist groups named 'Kaum Muda' lack of community support and its influence began to diminish since the 1930s. Its role has been taken over by modern secular political movements that emerged significantly in the 1920s. The study attempts to show that Madrasah-based politics of 'Kaum Muda' became increasingly prominent and active, challenging the British authority especially since the 1940s. The threat has led to a harsh reaction from the British, leading to the declaration of Emergency of 1948. However, the pressure of the British did not completely eliminate the influence of Madrasah and religious movements of 'Kaum Muda' in Perak. The Madrasah leadership in Perak was further developed through strong and active religious-based political movements until Malaya achieved its independence.

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini meneliti tentang peranan madrasah dan keimpinannya dalam perjuangan politik dan kemerdekaan Tanah Melayu, dengan memberi tumpuan terhadap sejarah perjuangan politik di Perak antara 1900 hingga 1957. Dalam konteks pensejarahan Malaysia, sejarah perjuangan politik dan kemerdekaan Tanah Melayu tidak boleh dipisahkan sama sekali daripada pengaruh agama. Hal ini kerana agama Islam dan institusinya menjadi landasan utama yang mencorakkan sifat-sifat dan bentuk kesedaran politik orang Melayu. Bahkan proses pembentukan rupa bangsa ‘Melayu’ itu sendiri dikatakan amat berkait rapat dengan pengaruh dan perkembangan agama Islam di Tanah Melayu.<sup>1</sup>

Tulisan-tulisan tentang sejarah perjuangan politik dan kemerdekaan Tanah Melayu sehingga kini telah memberi tumpuan yang begitu banyak kepada perjuangan organisasi politik dan tokoh-tokoh nasionalis yang dianggap moden dan ‘sekular’ sifatnya.<sup>2</sup> Sebaliknya peranan gerakan dan kepimpinan agama dalam politik

---

<sup>1</sup> Menurut pandangan Abdul Rahman Haji Ismail, Islam meninggalkan kesan yang mendalam kepada peribadi dan kehidupan orang Melayu, yang secara tidak langsung menjadikan ‘Melayu dan Kemelayuan’ menjadi lebih lengkap dan ‘berisi’ dan sifat keanjalannya tidak lagi mengalami perubahan seperti mana yang pernah berlaku dalam zaman sebelum kedatangan Islam. Lihat dalam “Melayu Dan Kemelayuan: Peribadi Anjal Meredah Zaman,” dalam Hashim Awang at.el, *Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, 1998, ms. 532.

<sup>2</sup> Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, istilah Sekular berasal daripada perkataan *seaculum* yang merujuk kepada dua konotasi iaitu “...waktu menunjukkan kepada pengertian ‘sekarang’ atau ‘kini’ selain lokasi yang merujuk kepada pengertian ‘dunia’ atau ‘duniawi’.” Oleh itu, istilah seaculum lebih merujuk kepada peristiwa di dunia pada masa kini dan tidak mempunyai kaitan dengan kehidupan di akhirat.” Sila rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas (terj. Karsidjo Djojokusurno), *Islam dan Sekularisme*, Bandung: Penerbit Pustaka Salman ITB, 1978, ms. 18-19.

secara umumnya dilihat tidak begitu penting untuk diperdebatkan. Bahkan kebangkitan orang Melayu yang bersifat agama cuba dipisahkan daripada sejarah perjuangan politik, dan hanya ditonjolkan sebagai perjuangan yang sempit semata-mata. Lebih-lebih lagi kerana istilah politik dan kebangsaan (nasionalisme) hanya dikaitkan dengan gerakan politik moden yang berasaskan perjuangan bangsa semata-mata. Akibatnya, perjuangan awal orang Melayu yang bersifat terbuka seperti yang dibawa oleh pejuang-pejuang Melayu tradisional seperti Tok Janggut dan Abdul Rahman Haji Limbong yang berlandaskan tuntutan agama tidak dikaitkan dengan perjuangan politik, sebaliknya dilihat sebagai perjuangan yang bersifat peribadi dan demi kepentingan peribadi semata-mata. Begitu juga peranan gerakan agama dan kepimpinan agama yang muncul melalui kegiatan 'Kaum Muda'<sup>3</sup> pada awal kurun ke-20 hanya dilihat sebagai satu bentuk perjuangan bagi menegakkan kepentingan agama semata-mata, dan tidak ada kaitannya sama sekali dengan perjuangan politik.<sup>4</sup>

Hanya pada 1940-an barulah kepimpinan agama mula dilihat sebagai turut serta dan memainkan peranan yang agak penting dalam perjuangan politik Tanah Melayu, iaitu dengan munculnya gerakan seperti Majlis Agama Islam Tertinggi (MATA) dan Hizbul Muslimin, yang kemudiannya beralih ke arah penubuhan Parti Islam SeMalaysia (PAS). Itupun perjuangan mereka diperlihatkan sebagai tidak begitu berpengaruh dan menonjol berbanding gerakan politik Melayu lain yang

---

<sup>3</sup> Pembaharuan pemikiran yang sering dibawa oleh golongan ini menyebabkan mereka digelar sebagai 'Kaum Muda'. Golongan ini muncul disebabkan kegagalan umat Islam untuk berpegang teguh dengan ajaran Islam, selain kegagalan sebahagian sistem pendidikan Melayu tradisional, umat Islam kebanyakan hidup dalam alam fanatik dan sempit, dan yang paling utama bagi membetulkan masyarakat agar kembali mendalami ajaran dan hukum-hakam Islam. Sila rujuk Mohd Sarim Haji Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948," dalam Khoo Kay Kim (peny.), *Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979.

<sup>4</sup> Roff, W.R (terj. Ahmad Boestmam), *Nasionalisma Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975, ms. 66.

dikatakan lebih ‘moden’ sifatnya terutamanya yang digerakkan oleh golongan kiri Melayu yang dikatakan lebih mencabar British.<sup>5</sup> Dalam konteks ini, gerakan agama dan kepimpinannya dilihat bukan sebagai peneraju dalam perjuangan politik, tetapi watak sampingan atau penumpang kepada perjuangan lain yang bersifat ‘mainstream’. Misalnya gerakan agama lebih ditonjolkan hanya sebagai salah satu cabang gerakan kiri, lalu sesetengah pengkaji menyebut perjuangan mereka sebagai *the Islamic-left*.<sup>6</sup>

Kajian-kajian sedia ada umumnya telah gagal memberi tumpuan atau melihat perjuangan agama di Tanah Melayu sebagai gerakan politik tersendiri yang panjang sejarahnya, yang bersambungan dari zaman awal yang digerakkan oleh Kaum Muda hinggalah kepada perjuangan Hizbul Muslimin dan PAS pada 1940-an dan 1950-an. Gerakan agama itu bukanlah dikuasai oleh mana-mana gerakan kanan atau kiri, jauh sekali komunis, tetapi bergerak dalam aliran dan matlamat perjuangan yang berbeza dengan ideologi nasionalis yang lain. Tuntutan perjuangan mereka juga bukanlah bersifat agama semata-mata, tetapi politik agama kerana kesedaran agama tanpa kesedaran politik ketika orang Melayu masih di bawah penjajahan asing adalah dianggap satu kesedaran yang tidak lengkap, manakala politik tanpa agama dianggap sebagai satu perjuangan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang dipegang oleh

---

<sup>5</sup> Menurut Abu Talib Ahmad, aliran kiri dalam gerakan nasionalisme Melayu merujuk kepada kelompok yang bertentangan dengan parti utama Melayu iaitu UMNO menjelang pertengahan tahun 1940-an. PKMM adalah kelompok utama yang saling bersaing dengan UMNO, sementara bentuk nasionalismenya lebih bersifat dogmatik dan tidak terbatas kepada ideologi yang sempit sehingga parti ini berjaya menghimpunkan ramai golongan seperti nasionalis, sosialis, komunis, Islam, Pan-Islam, demokrat, konformis, non-konformis, dan sebagainya. Walaupun terdapat pelbagai rupa ideologi politik, namun mereka di satukan oleh ‘jiwa merdeka’. Abu Talib Ahmad, “Aliran Kiri Nasionalisme Melayu, 1945-57: Satu Pemerhatian,” *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Vol.36, No.2, 2008, ms. 26.

<sup>6</sup> Istilah *Islamic Left* atau *Kiri Islam* ini telah diberi penekanan yang khusus oleh Khoo Kay Kim dan Mohammad Salleh Lamry dalam kajian mereka. Lihat dalam Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, ms. 22; Lihat juga Khoo Kay Kim, “The Malay Left 1945-1948: A Preliminary Discourse,” dalam *Jurnal Sarjana*, Vol.1, No.1, 1981, ms. 184.

orang Melayu. Tuntutan dan matlamat inilah yang digerakkan dan diperjuangkan oleh Kaum Muda, yang telah menjadi pelopor kepada perubahan orang Melayu dan pencetus kesedaran politik awal. Menurut Abdullah Jaafar, perjuangan yang dibawa oleh Kaum Muda itu adalah "...anak tangga pertama kesedaran politik dan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu."<sup>7</sup>

Perjuangan Kaum Muda terutamanya sejak 1900-an disalurkan atau digerakkan melalui pelbagai wadah. Antaranya melalui akhbar, majalah, kelab-kelab sosial dan agama, dan institusi pendidikan Islam. Antara wadah atau medium utama yang digunakan oleh pihak Kaum Muda untuk menyampaikan dan mengembangkan lagi kesedaran kepada masyarakat khususnya kesedaran politik agama ialah madrasah.<sup>8</sup> Berbeza dengan sekolah pondok, madrasah merupakan institusi pendidikan agama moden yang dibentuk oleh Kaum Muda bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang ajaran agama yang sebenarnya dan memupuk kepimpinan agama yang berkesan dalam kalangan masyarakat. Menurut Nabir Haji Abdullah, lahirnya sekolah atau madrasah sebagai satu penyesuaian dari sistem pondok, mempunyai perkaitan rapat dengan pertikaian Kaum Muda dan Kaum Tua.<sup>9</sup> Dari kaca mata sesetengah pengkaji madrasah hanyalah tempat bagi orang Melayu mempelajari ilmu agama semata-mata. Bagi sesetengah yang lain pula, madrasah adalah institusi pendidikan agama yang turut mengajar ilmu sekular moden bagi melengkap

---

<sup>7</sup>Abdullah Haji Jaafar, "Al-Imam," dalam Khoo Kay Kim (eds.), *Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1983, ms. 103.

<sup>8</sup> Dalam perkataan Arab, 'madrasah' adalah dari kata awalan 'darassa' yang bermaksud 'belajar' dan 'membaca'. Tetapi bentuk kedua daripada katakerja, 'darassa' (digunakan tanpa pelengkap) bermaksud mengajar hukum, manakala istilah 'tadris' (kata nama) bermaksud pengajaran undang-undang dan perkataan majmuk 'tadris' pula merujuk sebagai profesor undang-undang. Lihat dalam Syed Khairuddin AlJunied & Dayang Istiaisyah Hussin, "Estranged from ideal of Past: Historical Evolution of Madrassahs in Singapore," *Journal of Muslim Minority Affairs* Vol. 25 (2), August 2005, ms. 250.

<sup>9</sup> Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol, 1934-1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, ms. 12.

pelajarnya. Namun madrasah yang diwujudkan Kaum Muda bukanlah institusi yang memberi input agama dan ilmu pengetahuan sekular sahaja seperti yang dikatakan oleh W. R. Roff,<sup>10</sup> tetapi juga menjadi sumber yang mencetuskan kebangkitan orang Melayu menentang penjajah dan melahirkan ramai kader-kader politik yang memimpin dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Madrasah yang dilahirkan oleh Kaum Muda terutamanya di Perak menjadi pusat gerakan politik yang dapat memberi kesedaran kepada masyarakat dan pada masa sama juga melahirkan tokoh-tokoh politik yang bergerak atas landasan agama untuk mencabar penjajah dan menuntut kemerdekaan bangsa. Di Perak, pengaruh dan perjuangan Kaum Muda yang digerakkan melalui madrasah kelihatan begitu jelas dan menonjol sekali dengan kemunculan begitu banyak madrasah dan sesetengahnya mempunyai sejarah yang amat besar dari segi peranan politiknya. Perjuangan politik orang Melayu di Tanah Melayu khususnya di Perak sehingga merdeka banyak berpusat kepada institusi madrasah dan kepimpinannya, dan oleh itu kegiatan madrasah juga menjadi ancaman yang begitu ditakuti oleh British sehingga menyaksikan kepimpinan madrasah menjadi mangsa tindakan keras British pada masa Darurat 1948.

Dalam menjelaskan peranan madrasah dan kepimpinannya dalam perjuangan politik di Tanah Melayu, beberapa persoalan akan dibangkitkan dan diberi jawapan dalam penelitian ini. Pertama, apakah peranan sebenar yang dimainkan oleh

---

<sup>10</sup> Menurut Roff "... It is in fact in the field of the new education that the immediate impact of the reformist group clearly seen, both in its encouragement of schools of more ambitious and elaborate kind than had hitherto *The Origins of Malay Nationalism* existed and in the formulation of a system of education which, ideally, would take account of the need not only for purified Islam but for modern secular knowledge as well." Dalam Roff, W.R, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1967, ms. 66.

madrasah dan kepimpinannya dalam perjuangan politik Melayu? Kedua, apakah bentuk politik dan matlamat politik yang mereka perjuangkan? Ketiga, siapakah individu yang terlibat dalam memimpin gerakan yang berpusat di madrasah itu? Dan keempat, apakah reaksi pihak British terhadap ancaman yang diwujudkan oleh gerakan politik agama itu? Persoalan-persoalan ini akan cuba dijawab dalam kajian ini dengan memberi tumpuan terhadap peranan yang dimainkan oleh madrasah dan kepimpinannya dalam gerakan politik kemerdekaan di Perak antara 1900-1957.

## 1.2 Sorotan Kajian Lalu

Apabila membincangkan tentang perjuangan politik dan kemerdekaan Tanah Melayu, para sarjana sebenarnya tidak boleh lari daripada membincangkan tentang sejarah dan perkembangan politik yang menjurus kepada perjuangan orang Melayu menentang penjajahan British. Dengan memberi tumpuan kepada sejarah perjuangan politik Melayu, beberapa tulisan awal telah dihasilkan sejak tahun 1950-an lagi, khususnya yang membincangkan kesedaran politik dan perjuangan kemerdekaan dalam pelbagai perspektif. Beberapa tulisan awal yang menyentuh tentang kesedaran politik dan nasionalisme Melayu telah dihasilkan oleh beberapa penulis tempatan antara tahun 1950-an hingga 1970-an, antaranya Ungku Aziz dan T. H. Silcock,<sup>11</sup> Ishak Tadin,<sup>12</sup> Mohammad Yunus Hamidi,<sup>13</sup> Raden Soernarno,<sup>14</sup> Jang Aisjah

---

<sup>11</sup> T.H Silcock dan Ungku Abdul Aziz, "Nationalism in Malaya," dalam Holland, Williams.L (eds.), *Asian Nationalism and the West*, New York: Octagon Books, 1953.

<sup>12</sup> Ishak Tadin, *The United Malays National Organisation under Dato Onn: 1946-1951*, Tesis Kehormat Universiti Malaya: Singapura, 1959. Lihat juga, Ishak Tadin, "Dato Onn and Malay Nationalism 1946-1951," dalam *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1, No.2, March 1960.

<sup>13</sup> Mohammad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1961.

<sup>14</sup> Raden Soernarno, "Malay Nationalism: 1900-1945," *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1, No.1, March 1960.

Mutalib,<sup>15</sup> J. P. Ongkili,<sup>16</sup> Abdul Latiff Abu Bakar,<sup>17</sup> hinggalah kepada penulis-penulis selepasnya iaitu Khoo Kay Kim,<sup>18</sup> Zainal Abidin Abdul Wahid,<sup>19</sup> dan seorang sarjana Barat, W. R. Roff.<sup>20</sup>

Perbincangan menjadi semakin ketara pada tahun 1980-an dan 1990-an, kerana sebahagian besar penulis yang dipengaruhi oleh pandangan awal yang dikemukakan, misalnya oleh Soenarno dan Roff, mula menghasilkan beberapa kajian penting. Antara tulisan tersebut, yang merangkumi pelbagai tema, termasuklah yang menyentuh tentang perjuangan tokoh dan gerakan politik Melayu ialah tulisan oleh Jagjit S. Sidhu (1980),<sup>21</sup> Timah Hamzah (1981),<sup>22</sup> Khong Kim Hong (1984),<sup>23</sup> Ahmad Fawzi Basri (1986),<sup>24</sup> Cheah Boon Kheng (1985),<sup>25</sup> Ariffin Omar (1993),<sup>26</sup>

---

<sup>15</sup> Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972.

<sup>16</sup> Ongkili, James, P. "Perkembangan Nasionalisme," dalam. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, and Strategic Studies*, Vol.1, No.4, 1971/72. Juga oleh penulis yang sama dalam "The British and Malayan Nationalism: 1946-57," *Journal Southeast Asian Studies*, Vol. 5, No. 2, 1974.

<sup>17</sup> Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*, Kuala Lumpur: Penerbit Univesiti Malaya, 1977.

<sup>18</sup> Khoo Kay Kim banyak membincangkan tentang perjuangan politik dan gagasan nasionalisme Melayu secara sepintas lalu dalam beberapa tulisannya. Antaranya dalam Khoo Kay Kim, "Malay Society: 1874-1920s," *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 1, No. 2, September 1974; dan Khoo Kay Kim, "The Malay Left 1945-1948, A Preliminary Discourse," *Jurnal Sarjana*, Vol.1, No. 1, 1981.

<sup>19</sup> Zainal Abidin Abdul Wahid, "Semangat perjuangan Melayu," *JEBAT* Vol.7/8, No.1, 1977.

<sup>20</sup> W. R Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1967; lihat juga W.R Roff (Terj. Ahmad Boestamam), *Nasionalisma Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.

<sup>21</sup> Jagjit S. Sidhu, *Administration in the Federated Malay States, 1896-1920*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1980.

<sup>22</sup> Timah Hamzah, *Pemberontakan Tani 1928 di Trengganu: Satu Kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1981.

<sup>23</sup> Khong Kim Hoong, *Merdeka!, British rule and the struggle for independence in Malaya, 1945-1957*, Petaling Jaya: Institute for Social Analysis, 1984.

<sup>24</sup> M.A Fawzi Basri, "Perak Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Nasionalisme Orang Melayu," dalam *Analisis*, Jil 1, No. 1, 1986.

<sup>25</sup> Cheah Boon Kheng, "Asal-Usul dan asas Nasionalisme Malaya," dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail, *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985.

<sup>26</sup> Ariffin Omar, *Bangsa Melayu: Malay Concepts of democracy and community, 1945-50*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993.

Abdullah Zakaria Ghazali (1997),<sup>27</sup> Ramlah Adam (1987, 1996, 1998)<sup>28</sup> dan ramai lagi.

Kecuali beberapa tulisan menarik seperti yang dikemukakan oleh Funston (1980),<sup>29</sup> Safie Ibrahim (1981),<sup>30</sup> dan Firdaus Haji Abdullah (1985),<sup>31</sup> secara umumnya para sarjana di atas telah membuat suatu rumusan yang hampir sama tentang perkembangan kesedaran politik Melayu. Mereka mengasingkan dan meminggirkan hampir sepenuhnya peranan golongan agama yang dianggap tidak mempunyai kaitannya dengan perjuangan menuntut kemerdekaan. Sarjana pengajian Islam yang mengkaji tentang peranan tokoh agama dan perkembangan aliran agama di Tanah Melayu umumnya juga tidak mengaitkan perjuangan kemerdekaan itu dengan gerakan agama, malah cuba mengasingkannya sama sekali dengan perbincangan tentang nasionalisme Melayu. Akibatnya golongan agama tidak dianggap sebagai unsur penting dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, tetapi hanya penting dari sudut perjuangan agamanya semata-mata. Dari sudut pandangan ahli sejarah moden pula, golongan agama atau kepimpinan madrasah terutamanya hanya digambarkan sebagai ‘kelompok penumpang’ yang tidak memberi sumbangan besar dalam arus perjuangan politik yang dianggap hanya diterajui oleh pihak lain, misalnya gerakan kanan dan kiri Melayu serta komunis.

---

<sup>27</sup> Abdullah Zakaria Ghazali, *Pasir Salak: pusat gerakan menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997.

<sup>28</sup> Ramlah Adam, *Dato Onn Jaafar: peranannya di dalam politik dan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1895-1962*, Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, 1987; Ramlah Adam, *Dato Onn Ja'afar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1992; Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmi: suatu kemelut politik*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996; Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998.

<sup>29</sup> Funston, N.J., *Malay politics in Malaysia, A Study of UMNO and PAS*, Petaling Jaya: Heinemann Education Books, 1980.

<sup>30</sup> Safie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages And Ideology*, Pasir Puteh: Nuawy Bin Ismail, 1981.

<sup>31</sup> Firdaus Abdullah, *Radical Malay Politics: Its Origins And Early Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1985.

Tulisan yang dikemukakan oleh para pengkaji sejak tahun 1960-an lagi, misalnya oleh Raden Soenarno, secara jelas memperlihatkan gerakan agama itu tidak berkesan, tidak penting, tidak mampu atau tidak bersedia untuk mencabar kuasa British. Kemunculan gerakan Kaum Muda pada awal kurun ke-20 diperlihatkan oleh Soenarno sebagai gerakan awal yang hanya bersifat mementingkan perubahan sosial sahaja, selain tidak mempunyai kaitan dengan sebarang matlamat politik anti-penjajah. Orang Melayu pada masa tersebut dikatakan tidak menyokong perjuangan keagamaan yang bercorak 'radikal' kerana masih berfikiran tertutup, apatah lagi agama itu sendiri dilihat tidak berkaitan dengan perjuangan politik. Persepsi ini menyebabkan gerakan agama yang berhasrat membawa perubahan sosial kepada masyarakat diperlihatkan gagal dan terpadam pengaruhnya sejak tahun 1920-an. Selepas 1920-an sejarah perjuangan politik Melayu hampir langsung tidak dikaitkan dengan kepimpinan dan pengaruh gerakan agama.

Meskipun diakui kesedaran orang Melayu muncul lebih awal yang jelas dipelopori oleh kepimpinan agama, tetapi mereka dikatakan hanya berjuang untuk pembaharuan agama semata-mata, tidak lebih daripada itu. Jelas Soenarno, sebelum tahun 1930-an sifat perjuangan orang Melayu yang dibawa oleh kelompok Kaum Muda dan persatuan-persatuan negeri yang ditubuhkan sekitar tahun 1920-an '...had not really entered into the political arena, but still in the process of preparing to do so'.<sup>32</sup> Dalam membezakan bentuk-bentuk perjuangan yang wujud sebelum 1940, Soenarno telah membahagikan tahap kesedaran politik orang Melayu kepada tiga

---

<sup>32</sup> Raden Soenarno, "Malay Nationalism 1896-1941," *Journal of Southeast Asian History*, Vol.1, No. 1, 1960, ms. 29.

fasa yang berlainan dan berasingan. Pertamanya, peringkat agama (1906-1925), kedua sosio-ekonomi (1926-1936), manakala peringkat ketiga iaitu politik yang dikatakan baru wujud menjelang tahun 1930-an.<sup>33</sup>

Tahap-tahap tersebut diukur berdasarkan beberapa peristiwa penting seperti penubuhan majalah *al-Imam*, Kesatuan Melayu Singapura dan Kesatuan Melayu Muda pada tahun 1938. Jelas dalam konteks ini ‘peringkat agama’ tidak dianggap oleh Soenarno sebagai satu tempoh masa yang mampu mencetuskan kesedaran politik yang jelas kepada orang Melayu. Penganjur agama dalam kalangan ‘Kaum Muda’ pada ketika itu dianggap masih setia kepada pihak British dan hanya membincangkan isu-isu agama untuk membawa perubahan masyarakat dari sudut agama semata-mata walaupun agama diakuinya sebagai asas kesedaran orang Melayu untuk berpolitik. Soenarno menjelaskan, “...Islam had not played a dominant role in politics. It pioneered Malay nationalism but stopped short in about 1926, when under the economic and political pressures from the alien population, Malay political attitudes became more secularist.”<sup>34</sup>

Pandangan yang hampir serupa turut dikemukakan oleh Roff pada 1967. Dalam bukunya yang bertajuk *The Origins of Malay Nationalism* (1967), Roff menyatakan dengan jelas pandangannya yang berkaitan dengan kedudukan ‘Kaum Muda’ dalam perkembangan politik Melayu di Tanah Melayu. Menurut beliau “...Agamalah yang menjadi perhatian utama Kaum Muda dan *Al-Imam* dan

---

<sup>33</sup> *Ibid*, ms.34.

<sup>34</sup> Raden Soenarno, ‘Malay Nationalism 1896-1941’, *Journal of Southeast Asian History*, Vol.1, No. 1, 1960, ms. 33.

bukannya perubahan sosial, jauh sekali perubahan politik.”<sup>35</sup> Bahkan, gerakan agama yang dipelopori oleh golongan Kaum Muda dilihat tidak berupaya memimpin serta mempengaruhi masyarakat ke arah perjuangan politik anti-kolonial kerana sifat kepimpinannya yang dipegang oleh kelompok ‘bukan Melayu tulen’ yang begitu setia kepada British.<sup>36</sup> Hal ini ditambah lagi dengan pendekatan ‘radikal’nya terhadap perubahan dalam masyarakat dan amalan beragama yang hanya menjauhkan orang Melayu daripada memberikan sokongan kepada mereka. Jadi gerakan agama yang dipelopori oleh Kaum Muda didakwa tidak mendapat sambutan yang meluas daripada orang Melayu yang masih berfikiran sempit hingga mendorong kepada terpadamnya pengaruh gerakan agama ‘Kaum Muda’ menjelang tahun 1930.<sup>37</sup>

Tulisan Soenarno dan Roff ini sebenarnya sudah agak ketinggalan zaman tetapi pengaruhnya masih lagi kuat mempengaruhi pemikiran sarjana yang mengkaji perkembangan nasionalisme Melayu. Ramai sarjana tempatan yang terpengaruh dengan tafsiran Soenarno dan Roff itu telah menolak sumbangan dan peranan golongan agama dalam sejarah perjuangan politik dan nasionalisme Melayu. Sebaliknya, mereka melihat nasionalisme Melayu sebagai satu gejala moden yang diveduk daripada budaya dan pemikiran politik dari Barat yang bersifat sekular. Di Tanah Melayu, kecenderungan untuk melihat nasionalisme sebagai satu fenomena

---

<sup>35</sup> Roff. W.R. (terj. Ahmad Boestamam), *Nasionalisma Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975, ms. 72.

<sup>36</sup> *Bukan Melayu Tulen* merujuk kepada kelompok Arab Peranakan dan Tamil Muslim yang kebanyakan menetap di Negeri-Negeri Selat seperti Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

<sup>37</sup> Menurut Roff “...gerakan pembaharuan agama itu tidak berhasil melahirkan atau memimpin satu gerakan massa di kalangan orang-orang Melayu kerana beberapa sebab yang mesti dipandang sebagai berkait-kait...akhirnya gerakan pembaharuan itu dalam tahun-tahun 1930-an tercicir jauh di belakang kerana menyekutukan dirinya dengan unsur-unsur bukan Melayu dalam masyarakat Melayu-Islam pada ketika, semangat kebangsaan sempit Melayu sedang hidup semarak, dan dengan mengaitkan istilah ‘Kaum Muda’ itu dengan radikalisma ‘politik’ yang terang-terangan.” Lihat Roff. W.R. (terj. Ahmad Boestamam), *Nasionalisma Melayu*, ms 324.

moden dan sekular ciptaan orang Barat, khususnya penjajah British, bukan sahaja dibawa oleh pentadbir kolonial, bahkan oleh kebanyakan sarjana tempatan mahupun pengkaji luar yang membincangkan tentang nasionalisme Melayu sebagai satu bentuk perjuangan anti-penjajah. Ongkili misalnya, sewaktu menerangkan tentang asal usul dan perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara khususnya Tanah Melayu menghujahkan dasar pemodenan dan pengenalan sistem pendidikan Barat yang diperkenalkan oleh pihak British secara tidak langsung telah membibitkan kesedaran politik dalam kalangan orang Melayu. Beliau turut menjelaskan sebelum tempoh tersebut, masyarakat Tanah Melayu hampir langsung tidak mempunyai kesedaran politik. Menurutnya;

Pengaruh Barat di kalangan pejuang-pejuang Asia Tenggara itu sebenarnya tidak menghairankan, kerana kejayaan kuasa-kuasa penjajah itu menakluk rantau ini...maka mudah sangat bagi si penjajah itu menurunkan peradaban Barat ke atas rakyat-rakyat Asia Tenggara yang sudah terkandas... Jelas kelihatan yang melingkungi semua ini adalah sebenarnya sentimen bersemarak nasionalisme yang disemaikan oleh pendidikan Barat di negeri-negeri Asia Tenggara yang sesungguhnya masih terjebak dalam tangan kuasa-kuasa penjajah.<sup>38</sup>

Oleh kerana British ditonjolkan sebagai pihak yang membawa perubahan kepada minda dan pemikiran politik orang Melayu, maka seorang peneliti sejarah nasionalisme Melayu iaitu Cheah Boon Kheng dalam penulisannya yang berjudul 'Evolusi sebuah negara Persekutuan Malaysia: Satu Perspektif Sejarah' menganggap pergerakan golongan agama awal di Tanah Melayu iaitu 'Kaum Muda' hanya berkisar kepada persoalan pan-Islam sahaja. Bahkan menurutnya lagi aktiviti golongan tersebut "...hanya dapat mempengaruhi satu kumpulan kecil dari cerdik pandai orang-orang Melayu berpelajaran Arab yang menuntut di Kaherah dan

---

<sup>38</sup> James P. Ongkili, "Perkembangan Nasionalisme Melayu," dalam *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic*, Vol. 1, No. 4, 1971/1972, ms. 35.

justeru itu tidak dapat memberi kesan ke atas rakyat.”<sup>39</sup> Maka tidak hairanlah dalam kajiannya tentang nasionalisme Melayu beliau hanya memberi tumpuan kepada sejarah perjuangan golongan kanan atau kiri Melayu, manakala golongan arus tengah yang beraliran agama seperti ‘Kaum Muda’ hampir dipinggirkan sepenuhnya dalam tulisan-tulisannya. Beberapa tulisan Cheah yang dihasilkan misalnya pada tahun 1985 dan 1988 memperkukuhkan lagi pengaruh tulisan awal yang hanya cenderung mengaitkan perjuangan politik dan nasionalisme orang Melayu dengan gerakan-gerakan politik yang dipelopori oleh golongan kanan atau kiri Melayu yang dilihat bersifat sekular.<sup>40</sup>

Sebenarnya di sebalik tulisan-tulisan yang membincangkan nasionalisme sebagai gejala yang tidak ada kaitannya dengan perjuangan agama masih terdapat sarjana yang membincangkan sejarah gerakan agama sebagai satu bentuk gerakan yang menjadi asas kepada munculnya bibit-bibit kesedaran politik orang Melayu, khususnya dalam kalangan sarjana bidang sejarah Islam atau pengajian Islam. Tetapi dalam tulisan mereka juga gerakan agama jarang sekali dikaitkan dengan kesedaran nasionalisme yang masih dilihat unsur asing yang bertentangan dengan Islam. Mungkin pengkaji-pengkaji tersebut masih ragu-ragu untuk menganggap perjuangan agama itu sebagai selari dengan perjuangan ‘kebangsaan’ yang sering ditakrif sebagai satu bentuk fahaman moden sekular yang diveduk dari Barat dan bercanggah dengan agama. Sejak tahun 1960-an lagi telah muncul beberapa tulisan bersifat sejarah keagamaan yang menfokuskan perbincangan terhadap peranan golongan

---

<sup>39</sup> Cheah Boon Kheng, “Evolusi sebuah negara Persekutuan Malaysia: Satu Perspektif Sejarah,” dalam Zuraina Majid (penys.), *Masyarakat Malaysia*, Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 1985, ms. 3.

<sup>40</sup> Lihat Cheah Boon Kheng, “Asal Usul dan Asas Nasionalisme Malaya,” dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (ed.), *Nasionalisme Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985. Penulis yang sama menulis dalam “The Erosion of Ideological Hegemony and Royal Power and the Rise of Postwar Malay Nationalism, 1945-1946,” *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 19, No.1, 1988.

madrasah dalam arus perubahan sosial masyarakat, khususnya yang digerakkan oleh ‘Kaum Muda’.<sup>41</sup> Namun apa yang ditonjolkan adalah sifat dan bentuk perjuangannya untuk memperbaiki kesedaran sosioekonomi dan amalan beragama semata-mata, dan dikaitkan hanya secara tidak langsung sahaja dengan kesedaran politik apatah lagi perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu.

Kecuali beberapa tulisan penting yang mungkin masih belum diterima secara meluas sebagai rujukan yang dapat membuktikan pengaruh besar gerakan agama berpusat di madrasah dalam kegiatan politik dan perjuangan kemerdekaan,<sup>42</sup> tulisan-tulisan yang ada kebanyakannya menonjolkan peranan gerakan ‘Kaum Muda’ hanya dalam bentuk perjuangan yang bersifat sosial dan ekonomi semata-mata. Ini ketara dalam tulisan-tulisan yang membincangkan tentang sejarah perjuangan tokoh-tokoh Kaum Muda di negeri-negeri Melayu awal kurun ke-20, antaranya seperti Syeikh Syed al-Hadi, Haji Abas Mohd Taha, Sheikh Tahir Jalaluddin, Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Prof. Zulkifli Muhammad dan ramai lagi yang sealiran dengan mereka. Antara penulisan yang membincangkan tentang peranan golongan agama itu adalah Abdullah Al-Qari Haji Salleh (1974),<sup>43</sup> W.R. Roff (1975),<sup>44</sup> Mohd. Sarim Mustajab

---

<sup>41</sup> Antara tulisan-tulisan keagamaan yang menyentuh tentang peranan Kaum Muda seperti Roff, W.R., “Kaum Tua and Kaum Muda: Innovation and Reaction among Malays, 1900-1940”, dalam Tregonning, K.G, *Paper on Malayan History*, Singapore: Department of History, University of Malaya in Singapore, 1962, ms. 162-191; lihat juga Maymon Ariff, “Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930-an”, *JEBAT*, Vol. 3/4, No. 5, 1973; lihat juga Mohd. Sarim Mustajab, “ Satu Nota Tentang Haji Abbas b. Mohd Taha”, *Malaysia dari Segi Sejarah*, Vol.21, No.1, 1978. Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.

<sup>42</sup> Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol, 1934-1959*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976; lihat juga Funston, N.J, *Malay Politics In Malaysia: A Study of the United Malays National Organisations and Party Islam*, Petaling Jaya: Heinemann Educational Books Ltd, 1980.

<sup>43</sup> Abdullah Al-Qari Haji Salleh, ‘To’ Kenali: His Life and Influence’, dalam Roff, W.R (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974.

<sup>44</sup> Roff, W.R. (terj. Ahmad Boestamam), *Nasionalisme Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1975.

(1978),<sup>45</sup> Abdullah Hussain dan Khalid Hussain (1974),<sup>46</sup> Othman Bakar (1980),<sup>47</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1989),<sup>48</sup> Talib Samat (1992),<sup>49</sup> Adnan Haji Nawang (1994),<sup>50</sup> Ibrahim Abu Bakar (1994),<sup>51</sup> Sohaimi Abdul Aziz (2003),<sup>52</sup> Hafiz Zakariya (2007),<sup>53</sup> Mohammad Redzuan Othman (2013),<sup>54</sup> dan Abu Hanifah Haris (2013).<sup>55</sup>

Terdapat juga kajian yang turut menyentuh sumbangan institusi madrasah dalam bidang pendidikan dan kemasyarakatan di Tanah Melayu. Antara penulisan yang membincangkan peranan madrasah ialah tulisan yang dihasilkan oleh Jaafar Mat Sani,<sup>56</sup> Badriyah Haji Salleh,<sup>57</sup> Sabri Haji Ismail,<sup>58</sup> Ishak Haji Saat dan Mohd

---

<sup>45</sup> Mohd Sarim Mustajab, "Satu Nota Tentang Haji Abbas b. Mohd Taha," dalam *Malaysia in History: Malaysia dari Segi Sejarah*, Vol.21, No.1, 1978, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.

<sup>46</sup> Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendita Za'ba dalam Kenangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

<sup>47</sup> Othman Bakar, "Haji Salleh Masri: Pengasas al-Misriyyah," dalam Khoo Kay Kim et.al, *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

<sup>48</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islah di Perlis: sejarah dan pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena, 1989. Penulis yang sama menulis dalam *Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

<sup>49</sup> Talib Samat, *Syed Syeikh Al-Hadi: sasterawan progresif Melayu*, Kuala Lumpur, Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

<sup>50</sup> Adnan Haji Nawang, *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1994.

<sup>51</sup> Ibrahim Abu Bakar, *Islamic modernism in Malaya: the life and thought of Sayyid Syekh al-Hadi, 1867-1934*, Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1994.

<sup>52</sup> Sohaimi Abdul Aziz, *Syed Syeikh al-Hadi: cendekia dan sasterwan ulung*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2003.

<sup>53</sup> Hafiz Zakariya, "From Cairo to the Straits Settlements: Modern Salafiyah Reformist Ideas in Malay Peninsula," *Intellectual Discourse*, Vol.15, No.2, 2007.

<sup>54</sup> Mohammad Redzuan Othman, "Syekh Junid Thola (1886-1948): Ulama Progresif Penggerak Kesedaran Politik dan Kemajuan Sosio-Ekonomi Masyarakat," dalam Arbai'yah Mohd Noor at.el, *Persada Jauhari: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff Haji Hashim*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 2012.

<sup>55</sup> Abu Hanifah Haris dan Mohammad Redzuan Othman, "Zulkifli Muhammad dan Perjuangan Politik Berteraskan Islam 1955-1964," *Jurnal Usuluddin*, Bil. 37 (3), 2013.

<sup>56</sup> Jaafar Mat Sani, *Madrasah al-Yahyawiyah Padang Rengas: Satu Kajian Tentang Sejarah Perkembangan dan Pengaruhnya*, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1975/76.

<sup>57</sup> Badriyah Haji Salleh, *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihiah, 1914-1959*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984.

<sup>58</sup> Sabri Haji Ismail, *Madrasah Al-Ulum Al- Syariah Perak 1937-1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985.

Azhar Bahari<sup>59</sup> dan Nor Adina Abdul Kadir.<sup>60</sup> Namun kebanyakan kajian yang dihasilkan ini lebih memfokuskan sumbangan madrasah dari sudut perkembangan sosial dan pendidikan agama semata-mata. Dalam tulisan seperti itu, para pengkaji hanya menyentuh secara sepintas lalu sahaja peranan institusi agama sebagai tapak utama kepada gerakan politik anti-penjajah sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Kajian penting yang menerangkan tentang peranan golongan madrasah dalam politik telah dibincang oleh beberapa penulis sejarah misalnya Nabir Haji Abdullah (1976),<sup>61</sup> Funston (1976),<sup>62</sup> Mohd Sarim Mustajab (1979),<sup>63</sup> Safie Ibrahim (1981),<sup>64</sup> Abdullah Haji Jaafar (1985),<sup>65</sup> Firdaus Abdullah (1985),<sup>66</sup> Abu Bakar Hamzah (1991,1993),<sup>67</sup> Khoo Kay Kim (1991),<sup>68</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1994),<sup>69</sup>

---

<sup>59</sup> Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari, *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan 1922-2000: Sumbangan dan Kejayaan*, Batu Pahat: Penerbit UTHM, 2010.

<sup>60</sup> Nor Adina Abdul Kadir, *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak: sejarah dan sumbangannya terhadap pemikiran Islam dari tahun 1985-1999*, Tesis M.A, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010.

<sup>61</sup> Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariiff Gunung Semanggol, 1934-1959*, Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.

<sup>62</sup> Funston, N. J., "The Origin of Parti Islam Se Malaysia," *Journal Southeast Asian Studies*, Vol.7, No. 1. 1976. Penulis yang sama menulis dalam *Malay politics in Malaysia, A Study of UMNO and PAS*, Petaling Jaya: Heinemann Education Books, 1980.

<sup>63</sup> Mohd. Sarim Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948," dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979.

<sup>64</sup> Safie Ibrahim, *The Islamic Party of Malaysia: Its Formative Stages And Ideology*, Pasir Puteh: Nuawy Bin Ismail, 1981.

<sup>65</sup> Abdullah Haji Jaafar, "Al-Imam," dalam Khoo Kay Kim, *Sejarah masyarakat MelayuModen*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1985.

<sup>66</sup> Firdaus Haji Abdullah, *Radical Malay Politics; Its Origins and Early Development*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1985.

<sup>67</sup> Abu Bakar Hamzah, *Al Imam: It's Role in Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1991. Penulis yang sama juga menulis tentang "Aspek Politik Gerakan Fundamental Islam di Malaysia pada 1906-08," dalam Ismail Hussein, A. Aziz Deraman, dan Abd. Rahman Al-Ahmadi (penys), *Tamadun Melayu: Jilid Satu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993.

<sup>68</sup> Khoo Kay Kim, *Malay Society, Transformation & Democratisation: A Stimulating And Discerning Study On The Evolution Of Malay Society*, Subang Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd, 1991.

<sup>69</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia, 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tarikat*, Kuala Lumpur, Penerbitan Kintan, 1994.

Alias Mohamed (1994),<sup>70</sup> Abdul Aziz Mat Ton (2000),<sup>71</sup> Mohammad Redzuan Othman (2001),<sup>72</sup> Farish A. Noor (2004),<sup>73</sup> dan Ishak Saat (2011).<sup>74</sup>

Nabir Haji Abdullah (1976) melalui bukunya yang berjudul *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959* telah memberi gambaran awal yang berkaitan dengan kebangkitan kepimpinan madrasah dalam gerakan politik anti-penjajah di Tanah Melayu khususnya yang berpusat di Gunung Semanggol, Perak. Kajian beliau yang merupakan satu mini tesis peringkat Ijazah Sarjana Muda telah menyentuh berkenaan perkembangan institusi pendidikan agama iaitu Maahad Il Ihya Assyarif sebagai pusat gerakan politik anti-kolonial serta aktiviti yang dijalankan oleh para pentadbir, pelajar dan penduduk setempat di dalam madrasah itu dan di sekitar Gunung Semanggol semasa tempoh awal penubuhan madrasah tersebut sehingga ke tahun 1959. Dalam tulisan Nabir, beliau cenderung untuk menonjolkan sumbangan besar golongan agama terutamanya kelompok Kaum Muda dalam mewujudkan dimensi baru terhadap perjuangan politik anti-penjajah di Tanah Melayu, khususnya di negeri Perak. Tulisan beliau turut memaparkan sumbangan besar golongan agama dalam mewujudkan sebuah organisasi politik yang tersusun menjelang pertengahan tahun 1940-an. Berasaskan pengamatan yang begitu mendalam, Nabir menjelaskan bahawa; "...sepanjang penulisan maka akan ketara tiga perkara besar yang berkait dengan Il Ihya iaitu soal pendidikan ugama, soal

---

<sup>70</sup> Alias Mohamed, *PAS platform: development and change 1951-1986*, Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn. Bhd, 1994.

<sup>71</sup> Abdul Aziz Mat Ton, *Politik Al-Imam*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000; penulis yang sama dalam *Pengislahan Masyarakat Melayu: perbincangan al-Imam, 1806-1908*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.

<sup>72</sup> Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan masyarakat Melayu: peranan dan pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

<sup>73</sup> Farish A. Noor, *Islam embedded the historical development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS, 1951-2003*, Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute, 2004.

<sup>74</sup> Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011.

politik atau pergerakan kebangsaan dan ketiganya ialah soal Persatuan Il Ihya”.<sup>75</sup> Dalam penjelasannya tentang gerakan ‘Kaum muda’ yang berpusat di Gunung Semanggol itu, Nabir turut menjelaskan perjuangan golongan tersebut banyak; “...membicarakan soal-soal Pan-Islamism, Pan-Malaynism and Anti-Colonialism” di samping soal pendidikan dan ekonomi, yang banyak disebut dan di praktikkan setakat terluang untuk dakwah Kaum Muda di rantau ini.

Perbincangan yang dikemukakan oleh Nabir Haji Abdullah dalam kajiannya itu sangat membantu pemahaman berkaitan dengan sumbangan golongan agama dalam mencorakkan perjuangan politik anti-kolonial dan nasionalisme di Tanah Melayu. Namun, kajian Nabir yang menarik hanya memfokuskan kepada perkembangan yang berlaku di sekitar Maahad Il Ihya Assyarif serta peranan organisasi-organisasi yang lahir di bawah kepimpinannya sahaja berbanding suatu penulisan yang lebih menyeluruh dan dalam jangka waktu yang panjang tentang sejarah perjuangan golongan agama dalam mengerakkan kesedaran politik anti-penjajah dan kemerdekaan di Tanah Melayu dan Perak khususnya.

Dalam satu tulisan penting yang lain, seorang lagi pengkaji sejarah iaitu Mohd Sarim Mustajab dalam kajiannya yang berjudul ‘Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948’ juga telah mengkaji peranan Kaum Muda tetapi aspek yang lebih ditekankannya ialah perubahan-perubahan sosial yang cuba dibawa dan digerakkan oleh gerakan agama itu terhadap masyarakat Melayu sebelum dapat mencetuskan kesedaran politik dalam kalangan mereka. Apa yang lebih menarik dalam kajiannya, Sarim mengakui wujudnya kelompongan fakta apabila para

---

<sup>75</sup> Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol, 1934-1959*, ms. 4-6.

pengkaji gagal untuk mengaitkan sumbangan kepimpinan agama dengan kemunculan gerakan politik anti-penjajah di Tanah Melayu khususnya pada tahun 1940-an. Sebaliknya gerakan seperti 'Kaum Muda' hanya dilihat sebagai satu tahap awal sahaja dalam kesedaran politik orang Melayu yang dikatakan timbul tenggelam dan digantikan dengan kesedaran baru yang tidak lagi berasaskan perjuangan agama. Malah, Sarim turut berpandangan penyelidikan yang dijalankan oleh ramai sarjana tentang 'gerakan Islah Islamiyah' di Tanah Melayu sehingga ke hari ini seolah-olah telah mencapai satu kata sepakat bahawa gerakan 'Kaum Muda' menjadi malap dan tenggelam fungsinya menjelang tahun 1930-an. Pandangan tersebut telah dikritik oleh Mohd Sarim yang berpendapat gerakan 'Kaum Muda' adalah secara keseluruhannya merupakan satu gerakan nasionalisme yang berdiri atas nama agama dan telah menjadi elemen utama yang membentuk perjuangan nasionalisme Melayu sebelum mahupun selepas 1930-an. Jelas Sarim, berdasarkan;

... fakta-fakta sejarah yang muncul kebelakangan ini, jelas sekali gerakan Islah Islamiyyah yang bertiup sejak awal kurun kedua puluh itu tidak seharusnya dilihat sebagai satu episod kecil dalam keseluruhan proses munculnya semangat nasionalisme Melayu. Malahan gerakan Islah itu sendiri sepatutnya ditinjau sebagai satu aspek kemunculan semangat perjuangan Melayu berlandaskan Islam.<sup>76</sup>

Walau bagaimanapun, pandangan yang dikemukakan oleh Sarim lebih memberi tumpuan kepada peranan gerakan agama yang awal tanpa menyentuh perkembangan politik di Tanah Melayu selepas tahun 1948. Walaupun kajian Sarim memfokuskan perkembangan gerakan politik berorientasikan agama di Tanah Melayu bermula dengan kemunculan 'Kaum Muda' tetapi masih terdapat kekurangan dalam

---

<sup>76</sup> Mohd. Sarim Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948," dalam. *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, ms. 151.

kajiannya. Beliau tidak menyentuh berkenaan gerakan agama menjelang tahun 1950-an yang membawa kepada penubuhan Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) sebagai penyambung legasi perjuangan Kaum Muda sejak awal kurun ke-20. Namun kajian Sarim dapat memberi kefahaman yang jelas tentang sumbangan gerakan Kaum Muda dalam mencetuskan kesedaran politik orang Melayu terutamanya.

Selain penulis tempatan, terdapat juga penulis luar yang telah mengkaji dan menghasilkan perbincangan yang menyentuh tentang pengaruh serta sumbangan gerakan politik berorientasikan agama di Tanah Melayu. Misalnya, John Funston dalam satu kajiannya yang menarik bertajuk *Malay Politics in Malaysia: A Study of UMNO and PAS* juga turut menerangkan secara ringkas perkembangan dan asal-usul gerakan agama di Tanah Melayu yang bermula pada tahun 1906, dengan kemunculan golongan pengiat agama dalam kelompok ‘Kaum Muda.’<sup>77</sup> Kehadiran gerakan pemulihan agama di Tanah Melayu itu dijelaskan oleh Funston sebagai “... continued to be in the forefront of Malay social and political change.”<sup>78</sup>

---

<sup>77</sup> Dalam kajian Funston turut menyentuh perjuangan golongan Kaum Muda sebagai penanda kepada kemunculan kesedaran nasionalisme dalam mempertahankan hak bangsanya di Tanah Melayu. Beliau menjelaskan “... the emergence of Malay political consciousness is seen as associated with the development of three contending elites – one influenced by Islamic reformism, another by Indonesian nationalism and a mild form socialism, and a third representing a conservative and somewhat parochial defence of Malay rights.” Lihat dalam Funston, N. J., “The Origin of Parti Islam Se Malaysia,” *Journal Southeast Asian Studies*, ms. 59.

<sup>78</sup> Funston, N.J., *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malays National Organisation and Party Islam*, ms. 31.

Walaupun dalam kajiannya Funston lebih memfokuskan perbincangan kepada kemunculan dua parti politik terbesar orang Melayu iaitu UMNO dan PAS, sekaligus hanya memberi tumpuan yang khusus kepada struktur organisasi dan aktiviti kedua-dua parti tersebut dalam mencorakkan perjalanan politik di Malaysia sehingga ke hari ini. Kaitan agama dengan perjuangan politik dan nasionalisme Melayu hanya disentuhnya secara sekali imbas atau sepintas lalu sahaja. Oleh itu, kajian Funston juga ternyata masih lagi terbatas kerana tidak membincangkan secara menyeluruh dalam jangka masa panjang berkait dengan corak perjuangan golongan agama dalam mencetus dan mengembangkan kesedaran politik Melayu sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya. Namun tulisan Funston boleh dikatakan amat menarik kerana beliau antara segelintir pengkaji Barat yang telah meletakkan kedudukan golongan agama hampir setaraf dengan perjuangan gerakan politik kanan dan kiri Melayu.

Hanya selepas tahun 2000 barulah peranan dan kaitan gerakan agama dengan perkembangan nasionalisme Melayu dibincangkan dengan lebih jelas dan ketara. Pandangan-pandangan yang boleh dikatakan 'baru' dikemukakan oleh beberapa ahli sejarah aliran 'revisionis' yang cuba mencabar pandangan sedia ada yang hanya mengaitkan perjuangan politik dengan gerakan politik sekular seperti gerakan kanan dan kiri Melayu, lantas meletakkan kedudukan gerakan politik keagamaan sebagai kurang penting. Pengkaji aliran revisionis jelas mengkritik pandangan awal dalam pensejarahan politik Malaysia yang hanya memfokuskan perbincangan tentang sejarah perjuangan golongan kanan dalam organisasi seperti United Malays National Organisation (UMNO) mahupun golongan kiri dalam Parti Kebangsaan Melayu

Malaya (PKMM) yang dianggap tidak menjelaskan sejarah perjuangan kemerdekaan dan nasionalisme yang sebenarnya.<sup>79</sup>

Misalnya perjuangan elit-UMNO yang sering diperlihatkan oleh ramai ahli sejarah sebagai permulaan atau kemuncak kesedaran politik Melayu dihujahkan oleh ahli sejarah revisionis sebaliknya bukanlah satu bentuk perjuangan yang bersikap anti-penjajah bahkan tidak berminat pun menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.<sup>80</sup> Perjuangan golongan kiri Melayu pula meskipun bersifat anti-kolonial dan berpengaruh dalam kalangan masyarakat, namun masih belum mencapai kekuatan yang mampu mencabar pemerintahan British tanpa bekerjasama atau bergantung kepada gerakan politik lain khususnya gerakan agama yang tertumpu di madrasah. Jadi tulisan revisionis berbeza dengan tulisan ahli sejarah sebelumnya dari sudut peranan gerakan agama atau aliran politik agama sebagai unsur yang paling kuat dalam mempengaruhi dan menggerakkan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu, khususnya di negeri Perak.

Antara beberapa penulis atau sarjana yang membawa pelbagai sudut pentafsiran baru tentang pensejarahan politik dan perjuangan kemerdekaan Tanah

---

<sup>79</sup>Usaha untuk mengaitkan UMNO sebagai satu-satunya organisasi yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu telah dikemukakan oleh S. Hashim Ahmad dalam kajiannya, beliau menganggap "...kejayaan menentang Malayan Union merupakan satu kejayaan besar orang Melayu dan UMNO. Malayan Union hanya dapat hidup selama 21 bulan. Setelah 40 bulan British merancang penubuhannya, Dato' Onn hanya mengambil masa yang amat singkat untuk mengagalkannya." Lihat dalam S. Hashim Ahmad, *Onn Jaafar Bapa Gerakan Nasionalis Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Revolusi Rekaria, ms. 49. Manakala, Ramlah Adam dalam beberapa kajiannya menjelaskan bahawa penubuhan UMNO oleh orang Melayu "...boleh dianggap sebagai satu kemuncak nasionalisme Melayu itu sendiri." Lihat dalam Ramlah Adam, *Kemelum Politik Melayu Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1998, ms. 1.

<sup>80</sup>Lihat dalam Azmi Arifin, "Local Historian and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organization (UMNO) And The Malay Left," *Kajian Malaysia*, Vol. 32, No. 1, 2014, ms. 6.

Melayu ialah Ahmat Adam (2001),<sup>81</sup> Mohd Salleh Lamry (2009),<sup>82</sup> Abu Talib Ahmad (2008),<sup>83</sup> Abdul Rahman Haji Ismail (2010)<sup>84</sup> Ahmad Fauzi Abdul Hamid (2010),<sup>85</sup> Ishak Saat (2011)<sup>86</sup> dan Azmi Arifin (2014).<sup>87</sup> Abdul Rahman Haji Ismail dan Azmi Arifin misalnya telah menyusun semula beberapa kajian penting pada tahun 2006 dan 2010 yang memerihalkan dengan jelas peranan dan sumbangan yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh arus bawah dan gerakan agama dalam perjuangan politik dan nasionalisme di Tanah Melayu antara tahun 1900-1957 dan kaitan mereka dengan perjuangan gerakan politik yang lain.<sup>88</sup> Namun apa yang lebih ketara ialah dalam tulisan Ishak Saat dan Azmi Arifin yang dikemukakan pada tahun 2011 dan 2014 yang jelas tidak lagi menekankan hanya sumbangan golongan kanan mahupun kiri Melayu dalam sejarah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, bahkan sebaliknya turut menonjolkan peranan gerakan agama yang dianggapnya paling menonjol serta mempunyai pengaruh yang jauh lebih kuat dalam masyarakat, khususnya di Perak selepas tahun 1945.

---

<sup>81</sup> Ahmat Adam, "Partai Kebangsaan Melayu Malaya: Sebuah Mimpi Nusantara," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 28 (4), 2001.

<sup>82</sup> Mohamed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.

<sup>83</sup> Abu Talib Ahmad, "Aliran Kiri Dalam Nasionalisme Melayu, 1945-57: Satu Pemerhatian," *Malaysia dari Segi Sejarah: Malaysia in History*, Vol. 36, No. 2, 2008, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

<sup>84</sup> Abdul Rahman Haji Ismail, "Sokong Untuk Merdeka: Sikap PKMM Terhadap Malayan Union," dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Sejarah Malaysia, 1945-57, Tahun 1945-57 dalam Sejarah Malaysia: Isu dan Perdebatan*, Anjuran Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, 25-26 Oktober 2010.

<sup>85</sup> Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 'Malay Anti-Colonialism in British Malaya: A Re-appraisal of Independence Fighters of Peninsular Malaysia,' *Journal of Asian and African Studies*, Vol. 42, No.5, 2007.

<sup>86</sup> Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011.

<sup>87</sup> Azmi Arifin, "Local Historian and The Historiography of Malay Nationalism 1945-57: The British, The United Malays National Organization (UMNO) And The Malay Left," *Kajian Malaysia*. Penulis yang sama juga menulis dalam "Islam, Bangsa Dan Perjuangan Melayu: Menelusuri Kesedaran Dan Gerakan Politik Melayu-Islam Dalam Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Tanah Melayu, 1900-1957," dalam *Prosiding Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia (PAIMM)*, Jilid. 2, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 5 & 6 Oktober 2010.

<sup>88</sup> Sila rujuk Abdul Rahman Haji Ismail, Azmi Arifin dan Nazarudin Zainun (eds), *Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia: Pengamatan Sejarah*, khususnya dalam bab 6.

Dalam satu tafsiran yang boleh dianggap baru, Azmi Arifin dan Ishak Saat bahkan menganggap Darurat yang diisytiharkan oleh British pada tahun 1948 bukanlah bertujuan untuk menghapuskan ancaman komunis mahupun gerakan kiri semata-mata, tetapi sebenarnya ditujukan khusus untuk menangani pengaruh aliran agama yang muncul dengan begitu mendadak berpusat di Gunung Semanggol dan dapat bekerjasama dengan gerakan politik lain dalam usahanya menuntut kemerdekaan sehingga mencabar kedudukan British di Tanah Melayu. Walaupun tulisan Azmi Ariffin dan Ishak Saat misalnya, merupakan suatu tulisan yang mampu mencabar tafsiran lama dan memaparkan perkembangan sejarah nasionalisme Melayu sebenarnya yang turut dipelopori dan digerakkan oleh aliran agama, namun kajiannya masih lagi belum menyeluruh terutamanya apabila menyentuh tentang peranan institusi madrasah sebagai pusat utama kepada gerakan anti-kolonial di negeri Perak. Oleh itu, perlu satu kajian dilakukan bagi menambah dan mengukuhkan lagi pandangan sedia ada serta menghasilkan pemaparan yang lebih lengkap dan mendalam, khususnya dalam mengoreksi kepentingan Perak sebagai pusat perjuangan politik dan kemerdekaan berlandaskan cita-cita pemurnian agama yang paling ketara antara kesemua negeri-negeri Melayu.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada sorotan kajian lalu di atas kita mendapati terdapat beberapa kelompongan dalam kajian sejarah politik dan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu sehingga ke masa kini. Pada sudut yang pertama, punca permasalahan dalam kajian sejarah sehingga ke hari ini ialah ahli sejarah telah memberi tumpuan yang keterlaluan hanya terhadap perkembangan gerakan politik yang dianggap lebih 'moden' iaitu kanan dan kiri Melayu dan dengan